

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Pahang yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Ibu Pejabat).

- a. **Jawatan** : **Pembantu Penyelaras Al Quran dan Pengimarahannya Masjid (1 Kekosongan)**
- b. **Status Jawatan** : **Kontrak (Contract For Service)**
- c. **Jadual Gaji** : **RM 1,700.00 Sebulan**
- d. **Syarat Lantikan** : Calon-calon yang dilantik hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- Keutamaan bagi yang memiliki Diploma dalam Pengajian Islam atau Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mempunyai kemampuan menguasai bacaan dan ilmu al Quran dengan baik.
 - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- e. **Umur** : Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup permohonan jawatan.
- f. **Cara Memohon, Alamat Permohonan dan Tarikh Tutup.**
- Permohonan hendaklah dibuat menggunakan borang jawatan kosong yang boleh dimuat turun melalui laman Web MUIP (<http://www.muip.gov.my>)
 - Semua permohonan hendaklah disertakan salinan sijil yang telah disahkan mengikut kelayakan yang telah disyaratkan.
 - Semua permohonan hendaklah disampaikan kepada:
**Unit Pengurusan Hal Ehwal Islam
Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Islam
Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah,
Jalan Istana Permai,
26600 Pekan,
Pahang Darul Makmur**
- g. **Catatan Am** :
- Hanya calon-calon yang layak dan melepasi proses tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga. Sebarang keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.
 - Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima sebarang jawapan selepas enam bulan dari tarikh iklan ditutup.
 - Tarikh tutup permohonan pada **25 November 2022**.